

# Pak Lah ketuai angkat sumpah

BH - 12/5/2004: 3

Oleh Kadir Dikoh, Misiah Taib, Veena Rusli dan Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Semua 219 Ahli Parlimen, kecuali tiga orang, mengangkat sumpah jawatan di Dewan Rakyat semalam, diketuai Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, apabila mesyuarat pertama penggal pertama sidang Parlimen ke-11 bermula.

Tiga ahli Dewan Rakyat yang tidak dapat hadir ialah Menteri Kesihatan, Datuk Dr Chua Soi Lek (Labis), Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) dan Datuk Chor Chee Heung (Alor Star).

Perdana Menteri, yang berpakaian baju Melayu hitam, kemudian menandatangani ikrar sumpahnya di hadapan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail.

Beliau diikuti Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak, Menteri Kabinet, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) lain.

Wakil pembangkang pula diketuai Pengerusi DAP, Lim Kit Siang (Ipoh Timur) dan majlis angkat sumpah selama lebih dua jam itu diakhiri dengan ahli Bebas tunggal, Chong Hon Min (Sandakan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz yang bertanggungjawab menjaga hal ehwal berkaitan Parlimen ketika ditemui menjelaskan tiga ahli yang tidak hadir itu akan mengangkat sumpah kemudian.

Katanya, Dr Chua tidak dapat hadir kerana menghadiri sidang Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di Geneva, Tengku Razaleigh



**MENTERI Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik yang juga Ahli Parlimen Beruas mengangkat sumpah jawatan di Bangunan Parlimen semalam. - Gambar oleh Rosli Rahmat**

pula tidak sihat dan Chor menghadiri majlis penganugerahan pingat sempena ulang tahun Hari Keputeraan Raja Perlis di Kangar.

Terdahulu, ketibaan Abdullah yang diiringi Najib kira-kira jam 10 pagi ke dalam dewan disambut dengan tepukan meja tanda sokongan oleh Ahli Parlimen BN.

Sementara itu, Karpal Singh

(DAP-Bukit Gelugor) bangun bertanya mengenai kesahihan ikrar oleh beberapa ahli yang tidak mengangkat tangan kanan ketika membaca ikrar sumpah. Bagaimanapun, Mohamed Zahir berkata, ikrar itu sah.

Semua Ahli Parlimen kemudian bergambar beramai-ramai bersama Abdullah di tingkat bawah bangunan Parlimen, diikuti jamuan te-

ngah hari.

Persidangan kali ini diadakan dalam dewan serba baru dan canggih berikutan pertambahan kerusi Dewan Rakyat daripada 193 kepada 219 berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Daripada keseluruhan kerusi Parlimen, 21 diwakili oleh pembangkang iaitu 12 DAP, tujuh Pas, satu

Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan satu bebas.

Majlis pembukaan persidangan penggal pertama Dewan Rakyat dan Dewan Negara dirasmikan serentak hari ini oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail. Dewan Rakyat akan bersidang selama 14 hari sehingga 8 Jun ini.